

TARIKH: 8/8/23
SURAT KHABAR: Berita Harian: Nasional
MUKA SURAT: 14

Syor wajib pameran tawaran gaji di ruang iklan kerja

Putrajaya: Kerajaan dicadang mewajibkan majikan di sektor awam dan swasta mempamerkan tangga gaji ditawarkan di ruangan iklan pekerjaan bagi memudahkan graduan membuat pilihan, sebagai usaha menangani isu kadar upah dalam kalangan lepasan ijazah yang semakin merosot ke paras minimum.

Pengarah Program MBA Putra Business School (PBS), Prof Madya Dr Ahmed Razman Abdul Latiff, berkata langkah itu dilihat lebih telus untuk memudahkan graduan membandingkan tawaran pekerjaan sebelum membuat permohonan.

"Saya mencadangkan supaya

mewajibkan majikan, sama ada di Kerajaan Pusat, negeri, badan berkanun dan swasta mempamerkan kadar gaji ditawarkan mereka kepada graduan supaya graduan ini dapat membanding jumlah gaji berkenaan.

"Jika ada majikan yang masih menawarkan gaji rendah, kita menyerahkan kepada permintaan dan penawaran. Maknanya, graduan boleh membuat pilihan dan memilih untuk makan gaji yang lebih tinggi," katanya kepada *BH*, semalam.

Beliau berkata demikian mengulas kebimbangan Menteri Ekonomi, Rafizi Ramli melihat

kecenderungan gaji permulaan lepasan ijazah di negara ini tidak jauh beza berbanding paras gaji minimum pekerja tidak mahir, iaitu RM1,500 sebulan.

Rafizi dipetik menegaskan, apabila ada paras minimum terbabit, gaji permulaan lepasan ijazah sepatutnya naik lebih tinggi untuk menjarakkan daripada kedudukan itu.

Namun, dapatan awal statistik gaji setakat ini menunjukkan ia sebenarnya mengherot ke bawah, rapat kepada paras gaji minimum.

Selain itu, Ahmed Razman mencadangkan satu portal dalam talian khas mempamerkan jenis jawatan dan purata

kadar upah bersesuaian diwujudkan.

Katanya, portal terbabit berfungsi sebagai rujukan kepada graduan untuk melihat kadar upah bersesuaian dengan jawatan yang dimohon mereka apabila memasuki alam pekerjaan.

"Kita tidak mahu ada majikan yang masih ambil kesempatan tawar gaji yang rendah kepada graduan," katanya.

Anggap tiada kemahiran

Sementara itu, pakar ekonomi, Prof Emeritus Dr Barjoyai Bardai, berkata antara punca graduan mendapat gaji permulaan yang rendah disebabkan sikap

segelintir majikan yang menganggap graduan tidak memiliki kemahiran yang diinginkan.

"Dalam kalangan majikan ada yang berasakan mereka nyak pilihan dan mereka berpandangan graduan tidak memiliki kemahiran diperlukan dan sebab itu mereka tawar gaji rendah kerana perlu mem berikan semula latihan kepada graduan terbabit," katanya.

"Ini sebenarnya melambatkan kerana dalam kerjaya misalnya perubatan, walau masuk sebagai doktor tetapi mereka tetap dibayar gaji sebagai pegawai perubatan kerana mereka melakukan pekerjaan yang sama," katanya.

BH: Nasional 8-8-23 M